

# Utusan Borneo

*USIM peroleh RM86,000  
royalti jualan buku ilmiah*

**PENERBITAN** buku ilmiah oleh para penulis Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Penerbit USIM untuk terbitan tahun 2013 dan 2014 berjaya mengutip hasil royalti jualan sebanyak RM89,683.52.

Kutipan royalti tertinggi yang dikutip ini merupakan satu pengiktirafan kepada kualiti buku-buku terbitan USIM yang mencakupi pelbagai bidang ilmu yang menarik perhatian pembaca.

Agihan royalti dalam bentuk wang tunai telah disampaikan semasa Majlis Kalam Bitara 2015 anjuran Bahagian Penerbitan USIM di Nilai, baru-baru ini.

Seramai 200 penulis buku yang menghasilkan 240 judul buku diraikan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Musa berkata kejayaan kutipan royalti ini banyak dibantu dengan kerjasama strategik Bahagian Penerbitan USIM dengan penerbit luar negara seperti Penerbit Tokoshuku University dan Malaysia Japanese

Association di Jepun dan Al-Manhal di Jordan.

"Uniknya di USIM ialah apabila para penulis USIM mampu menulis dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Malah kita pernah menerbitkan buku dalam bahasa Luganda dan juga bahasa Jepun yang bagi saya ia amat selari dengan hasrat kita untuk menubuhkan pusat budaya Jepun nanti.

"Penerbitan buku contohnya adalah satu kaedah memasyarakatkan ilmu kepada dunia luar supaya ilmu kalam itu tidak tercerna dalam diri sendiri sahaja. Keilmuwan dan masyarakat Islam tidak pernah terpisah," katanya.

Katanya Penerbit USIM yang bergerak aktif di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) menyertai hampir 24 pameran setiap setahun termasuk pameran bertaraf antarabangsa seperti Frankfurt Book Fair, Tokyo Book Fair dan Pesta Buku Brunei. — Bernama